



BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Tanah telah menjadi sebahagian daripada bentuk harta yang sangat bernilai dewasa ini. Seseorang yang memiliki tanah dianggap mempunyai modal atau saham untuk hidup. Ini adalah kerana tanah yang dimiliki boleh diberi, dijual atau di gadai untuk memenuhi kepentingan politik, ekonomi dan sosial. Selain itu tanah seperti yang dikatakan oleh ramai pengkaji adalah suatu faktor pengeluaran yang amat penting terutamanya dalam masyarakat tani.

Ramai sarjana dari pelbagai bidang seperti dari antropologi dan sosiologi, ekonomi dan sains politik telah menumpu perhatian yang serius ke atas tanah dan permasalahannya. Juga pelbagai definisi dibuat tentang tanah itu sendiri. Mengikut akta undang-undang Harta Tanah 1925 (The Law of Property Act 1925) di England, tanah ditakrifkan sebagai:

"Tanah adalah merangkumi apa-apa pegangan, bijih dan bahan galian (sama ada ianya dipegang secara berasingan atau tidak daripada tanah), bangunan atau sebahagian daripadanya (sama ada pembahagiannya Horizontal, Vertikal atau lain-lain cara) dan juga 'corporeal hereditament' seperti kawasan terbiar dan lain-lain serta 'incorporeal hereditament' seperti hak keistimewaan, kepentingan di dalam, di atas atau yang datang daripada tanah: Tetapi ianya tidak termasuk bahagian yang tidak boleh dibahagikan dalam tanah".¹

¹Mohd Ridzuan Awang, Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Al Rahmaniah, K.L., 1987. m.s. 86

Di Malaysia pula, konsep mengenai tanah telah ditakrifkan oleh kanun Tanah Negara di bawah Seksyen 5 sebagai:

- i. mukabumi dan semua benda yang menjadikan mukabumi itu
- ii. tanah bumi di bawah mukabumi dan semua benda yang terkandung di dalamnya
- iii. semua tumbuh-tumbuhan dengan lain-lain keluaran semulajadi, sama ada memerlukan penggunaan tenaga berkala terhadap pengeluarannya atau tidak dan sama ada di atas atau di bawah mukabumi itu
- iv. Semua benda yang terlekat pada tanah bumi atau dilekatkan selama-lamanya pada apa-apa benda yang terlekat pada tanah bumi, sama ada di atas atau di bawah mukabumi itu.
- v. Tanah yang diliputi air.²

Kajian penggunaan tanah pula adalah suatu yang amat luas. Ia boleh meliputi kajian penggunaannya secara komersial atau tanah sendirian, perancangan kerajaan dalam urusan tanah untuk perumahan, penerokaan tanah baru dan sebagainya. Tumpuan kajian ini adalah kepada pemilikan tanah persendirian. Sebahagian besar dari tanah yang dimiliki secara sendirian ini dibahagikan apabila pemiliknya sudah tua atau mati. Bagaimana ianya dibahagikan tentunya mempunyai kesan terhadap bagaimana ia boleh digunakan. Kajian ini melihat soal pentingnya hal ini dengan

² ibid m.s. 90

menumpukan perhatian kepada tanah pusaka yang dilihat dari pelbagai sudut.

Membicarakan tanah pusaka bermakna ia mengaitkan persoalan orang Melayu dengan cara-cara mereka memiliki tanah. Tanah pusaka merupakan tanah warisan yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi. Semasa pentadbiran Inggeris lagi mereka telah membahagikan aktiviti ekonomi mengikut etnik seperti orang India terlibat di sektor perladangan, Cina perlombongan dan orang Melayu dalam pertanian. Tradisi ini terus kekal dan hasrat Inggeris untuk melihat orang Melayu terus kekal dalam lapangan tradisi dan menyisih diri dari industri moden.³ Kini dapat dilihat bahawa golongan bumiputra merupakan jumlah teramai di dalam sektor pertanian. Gunatenaga bumiputra di sektor ini adalah seramai 875,200 berbanding dengan Cina 207,200 dan India seramai 136,400 pada akhir tempoh Dasar Ekonomi Baru.⁴

Orang Melayu masih lagi menjadi penghuni terbesar di kawasan luar bandar. Masalah kemiskinan yang ujud tertumpu di dalam sektor-sektor tradisional utama di kawasan luar bandar ini. Dapat dilihat di sini bahawa kedudukan orang Melayu dikaitkan dengan sektor ekonomi iaitu penglibatan mereka di dalam pertanian dan yang berkaitan dengannya. Kajian ini akan melihat kegiatan orang Melayu yang melibatkan penggunaan tanah pusaka. Diharap juga kajian ini dapat mengungkap kemiskinan orang Melayu di luar bandar disebabkan oleh corak penggunaan tanahnya yang tidak

³ Abd Rahim Awang Kecil, Tanah Rizab Melayu-Hasrat Inggeris Ketika Merancang, Dewan Masyarakat, Julai 1979, m.s. 44.

⁴ Dasar Pembangunan Baru, Utusan Malaysia. 18.6.91. m.s. 11

ekonomik hasil dari pembahagian yang dijalankan.

Pembangunan dan modenisasi sesebuah negara itu bergantung kepada kebolehannya menukar bahan-bahan mentah kepada bahan yang dapat memenuhi kehendak negara.⁵ Tanah merupakan salah satu asas daripada sumber bahan mentah yang menjadi asas pembangunan tersebut. Dalam meniti arus pembangunan ini, harga tanah telah meningkat. Setiap kaki perseginya telah diukur dengan wang. Inilah yang dikatakan bahawa tanah sebagai aset pembolehkan kehidupan manusia. Oleh itu apa yang cuba dilihat di dalam kajian ini ialah bagaimana tanah pusaka yang dimiliki oleh ramai waris diolah dan digunakan oleh masyarakat setempat sebagai sumber ekonomi. Adakah corak penggunaan yang dijalankan sekarang dapat mempertingkatkan pendapatan penduduk. Apa yang menjadi pokok kajian ialah menghurai konsep pembahagian tanah pusaka, kaedah pembahagian dan seterusnya melihat kesan-kesan pembahagian tersebut.

⁵ Stainlaw H. Wellisz, Modenisasi Dinamika Pertumbuhan (suntingan Myron Weiner), Jilid 2, DBP, K.L., 1976, m.s. 107.

1.2 TUJUAN PENYELIDIKAN

Kajian terhadap tanah pusaka ini mempunyai beberapa tujuan utama. Di antaranya ialah untuk melihat corak pembahagian yang digunakan oleh orang Melayu. Menurut Kuchiba, orang Melayu yang beragama Islam boleh mengikut undang-undang Islam atau undang-undang adat semasa menjalankan pembahagian tanah. Mengikut pembahagian Islam harta peninggalan hendaklah dibahagikan menurut ketetapan yang terdapat di dalam Al-Quran. Manakala di bawah undang-undang adat anak lelaki dan anak perempuan pada asasnya menerima pembahagian yang sama atau ia bergantung kepada ketentuan pemilik.

Apa yang didapati oleh Kuchiba di dalam masyarakat Islam di Golok ialah kecenderungan mereka untuk menggunakan pembahagian mengikut adat. Berbeza pula dengan pandangan T.B. Wilson (1956) yang menjalankan kajian di Krian, Perak. Beliau mendapati bahawa penduduk di sini lebih cenderung untuk mengikut hukum faraid daripada hukum adat di dalam pembahagian tanah pusaka mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pembahagian tanah pusaka ini cenderung kepada hukum faraid atau mengikut adat dan apakah perbezaan di antara keduanya.

Tujuan kedua ialah untuk melihat kesan pembahagian tanah kepada masyarakat. Dari segi teori, didapati bahawa sesuatu pembahagian itu akan mengecilkan tanah. Seterusnya pembahagian yang diamalkan juga mengubah corak penggunaan, pemilik, keluasan dan meningkatkan bilangan pemilik yang baru. Seperti yang telah dinyatakan bahawa kemiskinan paling tinggi di kawasan luar bandar yang menjalankan kegiatan pertanian dan pihak kerajaan telah

berusaha berbagai cara untuk mengurangkan kadar ini. Mungkinkah kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar disebabkan oleh pengusahaan mereka ke atas tanah-tanah yang tidak ekonomis selepas pembahagian ini?

Tujuan seterusnya ialah melihat pertukaran yang berlaku di dalam suatu lot tanah itu. Pertukaran pemilik boleh berlaku sama ada melalui penjualan atau hebah. Penjualan yang berlaku melibatkan wang tunai tetapi hebah merupakan satu konsep yang berlainan. Hebah dan pusaka dilihat oleh Fujimoto sebagai penyerahan tanah dari generasi tua kepada generasi muda tanpa sebarang pembayaran. Apakah perbezaan di antara keduanya? Kajian ini cuba melihat bilakah hebah dilakukan dan apakah pembahagian hebah itu sama seperti pembahagian di dalam adat atau faraid.

Pembahagian tanah pusaka yang dijalankan secara langsungnya membabitkan pertukaran pemilik dan juga penambahan bilangan ahli warisnya. Ini bermakna wujud pelbagai kerenah. Persefahaman sahaja yang dapat menjamin perpaduan dan integrasi. Tidak semua ahli waris yang terlibat berpuashati dengan pembahagian yang diterima. Dari sini akan terjadinya konflik. Sejauh manakah kesan konflik dan ketidakadilan pembahagian mempengaruhi masyarakat atau individu yang terlibat.

Bagi orang Islam, pembahagian tanah pusaka melibatkan dua jenis sistem perundangan iaitu syariah dan sivil. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sepintas lalu masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbiran di samping masalah-masalah yang dialami oleh penduduk kampung sendiri.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Suatu kajian penyelidikan itu merupakan tatacara yang teratur yang digunakan oleh masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan atau menyelesaikan suatu masalah yang mendesak. Menurut Mohadzan Ayob, aktiviti penyelidikan dilancarkan setelah wujud suatu keperluan yang dirasakan oleh masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji merasakan perlu ada satu kajian yang mendalam tentang tanah pusaka dan semua aspek mengenainya.

Seringkali kajian yang dijalankan meliputi perkara-perkara seperti pola pemilikan secara umum, corak penggunaan yang boleh dimaksimumkan pengeluarannya dan sebagainya. Kajian tanah dan masyarakat Melayu telah pun wujud sejak dahulu lagi seperti kajian oleh T.B. Wilson, Manning Nash, Raymond Firth dan beberapa yang lain termasuk pengkaji tempatan seperti Syed Husin Ali dan sebagainya. Namun tumpuan kajian mereka kurang kepada tanah pusaka dan kesan-kesan pembahagiannya di dalam masyarakat sedangkan bila membicarakan tanah pusaka ia juga melibatkan soal-soal ekonomi, sosial dan politik.

Tumpuan kajian kepada pemilikan tanah yang dipusakai selepas pembahagian tanah kepada ahli waris yang menerimanya. Dari sini kemudiannya dilihat perubahan keluaran yang ketara. Oleh itu amat penting kajian seumpama ini dijalankan untuk melihat ekonomi masyarakat Melayu dengan penggunaan tanah yang diwarisi. Persoalan yang timbul ialah adakah orang Melayu miskin disebabkan oleh pembahagian tanah yang dianggap tidak ekonomik dari kacamata kapitalis atau disebabkan oleh kurangnya kecekapan orang

Melayu sendiri dalam menguruskan tanah tersebut? Orang-orang Melayu yang beragama Islam tidak dapat melarikan diri daripada hukum syarak yang telah menetapkan nisbaha dua lelaki dan satu perempuan bagi pembahagian harta pusaka. Oleh itu sesuatu tanah itu sudah pasti akan dibahagikan.

Dari segi sosial pula, kajian ini akan mengungkap krisis yang wujud dalam pembahagian dan tukar milik sesama keluarga. Tukar milik sering berlaku selepas pembahagian tanah. Oleh itu kajian ini akan melihat mengapakah kejadian seumpama ini berlaku. Adakah kerana tanah-tanah yang diwarisi itu terlalu kecil untuk diusahakan oleh ahli waris yang terlibat. Persoalan ini akan berbalik semula kepada kemiskinan yang wujud di kalangan masyarakat luar bandar dan sikap penjualan tanah yang berlaku.

Tanah pusaka yang dikaji terletak dalam kawasan simpanan Melayu. Pihak kerajaan telah mengadakan Enakmen Rizab Melayu yang melarang penjualan tanah milik Melayu kepada orang-orang bukan Melayu. Kenapakah persoalan ini harus wujud? Syed Husin Ali dalam artikelnya 'Penumpuan milik tanah dan kemiskinan di kalangan Melayu bandar' ada menyentuh tentang sikap orang Melayu yang menjual tanah mereka untuk tujuan seperti membuka kedai, mengerjakan haji atau kenduri kahwin. Faktor-faktor ini beliau menyebutnya sebagai perbelanjaan luar biasa. P.J. Wilson pula menyatakan bahawa orang-orang Melayu patut diubah cara mereka berfikir dan cara hidup seharian kerana dengan cara ini sahaja menurutnya boleh mengubah keadaan ekonomi mereka agar mereka lebih berjaya.

Apa yang cuba dicungkil di dalam kajian ini ialah untuk melihat hasil pembahagian tanah pusaka keseluruhannya. Mungkin benar seperti apa yang diperkatakan oleh Wilson bahawa corak pemikiran orang-orang Melayu harus ditukar menjadi lebih positif di dalam pengurusan dan pentadbiran. Pembahagian tanah yang berlaku tidak menuntut sebarang pemecahan tetapi kebijaksanaan menguruskannya. Dalam merubah keadaan ini, pelbagai pihak harus memainkan peranan terutama dari segi pendidikan supaya dapat melatih orang Melayu berdikari dan bijak mengurus harta mereka.

1.4 METODOLOGI

Sesuai kajian ilmiah perlu dikendalikan dengan cara dan metod yang sistematik bagi menjamin pengumpulan data yang teratur. Dalam menjalankan kajian beberapa kaedah yang bersesuaian telah digunakan iaitu:

- i. penyelidikan dokumen
- ii. soal selidik
- iii. temubual
- iv. pemerhatian
- v. kajian perpustakaan

1.4.1 Penyelidikan dokumen

Penyelidikan dokumen merupakan kaedah utama yang digunakan di dalam kajian ini. Dokumen-dokumen diperolehi dari Pejabat Tanah Daerah Sungat Petani. Maklumat yang didapati ialah mengenai kawasan, nama-nama pemilik, pertukaran dan pembahagian yang berlaku serta penjualan dan harganya.

Langkah pertama di awal kajian ialah mengenalpasti kawasan kajian. Untuk ini pengkaji telah mendapatkan peta kawasan melalui bantuan Pegawai Petempatan yang bertugas. Peta yang diberi lengkap dengan nombor lot dan perenggan-perenggan tanah dan ia merangkumi kawasan yang luas. Oleh itu pengkaji terpaksa menghadkan hanya kepada kawasan Sungai Layar Ujung terutamanya berdekatan dengan jalanraya sahaja.

Setelah kawasan kajian dikenali, langkah seterusnya ialah mencari pemilik lot tanah. Nombor-nombor lot yang tertera pada peta disalin. Pengkaji telah menghadkan kepada 70 lot tanah sahaja. Kemudiannya didapati bahawa tiga lot telah terkeluar dari kawasan kajian. Setelah nombor-nombor lot disalin, pengkaji diberi buku daftar yang dinamakan di sini sebagai 'buku daftar pertama'. Dalam buku daftar ini, maklumat yang lebih mendalam telah diperolehi iaitu tentang keluasan lot tanah yang dikaji. Buku pendaftaran kedua pula mengandungi geran-geran tanah.

Dalam buku pendaftaran pertama ini, saya telah menyalin nombor-nombor rujukan untuk setiap lot. Misalnya Lot 760, untuk mendapatkan segala maklumat mengenainya, nombor rujukannya ialah SP 16766. Untuk kawasan kajian nombor rujukannya bermula daripada SP.

Seterusnya, dirujuk kepada Buku Daftar SP yang mengandungi geran-geran bagi setiap lot. Dalam buku daftar geran ini, maklumat yang lebih terperinci diperolehi seperti nama pemilik, keluasan, jenis tanah iaitu sama ada tanah bendang, kampung atau kebun getah. Di muka belakang geran, terdapat segala maklumat mengenai pindah milik tanah daripada seorang individu ke individu yang lain. Sekiranya terdapat pembahagian tanaha

dinyatakan nama-nama ahli-ahli waris dan bahagian yang diperolehi oleh mereka. Geran juga mengenalpasti kawasan 'Simpanan Melayu' kerana terdapat cop 'Malay Reservation' bagi tanah-tanah berkenaan. Di dalam geran-geran ini hanya tertera nama individu yang terlibat sahaja. Untuk setiap pindah milik yang berlaku pihak Pejabat Tanah ada memberi satu nombor rujukan yang dipanggil 'Nombor Perunjuk'. Oleh itu untuk mendapat nama dan alamat yang penuh bagi individu yang terlibat serta jumlah bayaran yang diterima atau dipersetujui bersama, maka pengkaji terpaksa merujuk Buku Pindah Milik. Dalam Buku Daftar Pindah milik ini, terdapat alamat-alamat penuh individu yang terlibat. Dengan lain perkataan segala perjanjian mengenai pindah milik sesuatu tanah terdapat dalam buku daftar ini. Di sini baru lengkap segala maklumat mengenai sekeping lot tanah.

Secara keseluruhan, kaedah penyelidikan dokumen merupakan kaedah yang penting dalam kajian ini. Melalui kaedah ini dapat diketahui harga jualan tanah, harga yang dinilai oleh Pejabat Tanah atau hebahan yang dilakukan. Kebanyakan maklumat ini dirahsiakan oleh responden.

1.4.2 Soal Selidik

Kaedah soal selidik digunakan semasa bertemu dengan responden untuk mengetahui tentang latarbelakang responden yang tinggal dalam kawasan kajian. Soal selidik lazimnya mempunyai dua bentuk. Soalan, iaitu jenis soalan terbuka di mana kategori-kategori jawapannya tidak ditentukan dan jenis kedua ialah soalan tertutup di mana jawapannya adalah standard iaitu mempunyai

kategori jawapan khusus yang disediakan oleh penyelidik seperti ya atau tidak.⁶ Jenis soalan yang digunakan ialah soalan terbuka untuk memperolehi maklumat am seperti umur, nama, latar belakang akademik, corak penggunaan tanah iaitu sama ada mengusahakan sendiri atau menyewakan kepada orang lain. Dalam kaedah ini, pengkaji juga cuba mendapatkan sama ada responden yang pernah membeli atau menjual tanah-tanah mereka. Data yang diperolehi di dalam kaedah ini merupakan data-data yang tidak terdapat dalam kaedah penyelidikan dokumen.

1.4.3 Temubual

Kaedah temubual dijalankan untuk melengkapkan kajian yang menggunakan soal selidik. Pengkaji menjalankan kaedah ini secara tidak formal untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah kampung, perkembangan kampung dan pandangan masyarakat terhadap kemajuan yang dicapai. Menerusi kaedah ini, saya cuba mendapatkan keterangan mengenai perhubungan kekeluargaan yang terdapat di kampung ini. Akhir sekali pengkaji menemui Penghulu Mukim untuk mendapatkan pandangan beliau yang mewakili kacamata seorang pemimpin.

⁶ Kenneth D. Railey, Kaedah Penyelidikan Sosial, DBP, K.L. 1986, m.s. 186.

1.4.4 Pemerhatian

Kedudukan tempat kajian tidak berjauhan dari tempat tinggal pengkaji. Maka kaedah pemerhatian ini adalah berdasarkan kepada pengalaman pengkaji sebagai penduduk tempatan. Pengkaji menggunakan pengalaman lampau dan membandingkannya dengan masa sekarang untuk membezakan perubahan struktur yang dialami.

1.4.5 Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan merupakan pelengkap untuk kajian ini. Rujukan dibuat meliputi majalah-majalah, jurnal, buku-buku dan lain-lain bahan bacaan untuk mendapat teori atau pandangan lain.

1.5 MASALAH KAJIAN

Seseorang pengkaji sains sosial tidak dapat melarikan diri dari masalah kajian kerana penyelidikan sains sosial melibatkan kajian ke atas sikap masyarakat, nilai serta etika yang subjektif sifatnya. Dalam membuat kaji selidik, seorang pengkaji itu mempunyai peranan sebagai seorang pengkaji dan juga anggota masyarakat. Akan timbul masalah dalam membahagikan kedua-dua peranan ini. Tambahan pula jika pengkaji dan responden-respondennya adalah daripada etnik yang sama. Satu cara melaksanakan tujuan ini ialah penyelidik mengandaikan dirinya sebagai seorang yang belum mempunyai pengetahuan yang luas tentang masyarakat Melayu yang dikajinya walaupun ia seorang

Melayu.⁷ Inilah masalah pengkaji yang melakukan kajian ke atas masyarakatnya sendiri.

Dalam menjalankan kajian ke atas komuniti Kampung Sungai Layar Ujong, pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan keterangan mengenai tali persaudaraan masyarakat di sini. Walaupun pengkaji mempunyai pertalian kekeluargaan dengan sebilangan besar responden tetapi hubungan persanakan di antara mereka pengkaji tidak tahu. Oleh itu apabila soalan tentang kekeluargaan antara satu famili dengan famili yang lain ditanya, responden kelihatan seolah-olah kurang senang dengan pertanyaan sedemikian. Mereka menganggap pengkaji sepatutnya tahu tentang perhubungan tersebut. Penjelasan yang diberi kurang jelas. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa bertanya soalan yang sama kepada beberapa responden yang lain. Hubungan kekeluargaan ini penting kerana penempatan penduduk di peringkat awal adalah disebabkan pembahagian tanah. Wujudnya soalan-soalan yang berulang membazir masa kajian yang terhad ini.

Tanah pusaka merupakan perkara yang dianggap sensitif. Apabila soalan berkaitan urusan tukar milik, pemilikan kawasan dan soal pembahagian dibangkitkan, responden-responden keberatan menjawab. Pada umumnya orang-orang Melayu tidak suka menceritakan hal-hal peribadi kepada orang yang tidak dikenali. Walaupun pengkaji cuba menggunakan tali persaudaraan untuk mendapatkan maklumat tetapi oleh kerana darjah keakraban itu jauh, mereka masih kurang yakin untuk menerangkan soal pemilikan

⁷ Wan Hasyim, Kaedah Penyelidikan Sosial, DBP, K.L., 1980, m.s. 12.

tersebut. Secara keseluruhannya pengkaji gagal mendapatkan nama-nama ahli waris yang terlibat dalam pembahagian melalui soal selidik atau temubual.

Kurangnya keyakinan kepada pengkaji menimbulkan perasaan wasangka. Syak wasangka adalah suatu sikap atau tindakan yang mengesyaki sesuatu yang disangkakan ujud, khususnya sesuatu yang salah, sulit dan kurang pasti ataupun sesuatu yang boleh dicurigai, disangsi, diragui dan dipersoalkan tanpa mempunyai alasan yang mencukupi.⁸ Perasaan syak wasangka adalah satu masalah yang sering dihadapi oleh pengkaji sama ada kajian di dalam etnik yang sama atau berlainan dengan pengkaji. Semasa kajian dijalankan, kehadiran pengkaji dianggap sebagai wakil kerajaan untuk mengutip cukai kerana pengkaji banyak menyoalkan tentang tanah, pendapatan keluarga dan sebagainya. Ada responden yang takut untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Apabila timbul perasaan syak wasangka ini, pengkaji sukar untuk mendapat data yang sebenar tentang pendapatan penduduk kampung dan soal hak milik tanah. Jawapan yang sering diberi adalah seperti 'adalah sikit-sikit', 'lebih kurang' dan 'tak tentu'. Jawapan-jawapan seperti ini menjejaskan ketetapan maklumat yang diterima.

Masalah seterusnya ialah faktor masa. Pengkaji tidak dapat menjalankan kajian sepenuhnya setiap hari kerana pada sebelah pagi kebanyakan penduduk keluar bekerja. Oleh itu kajian hanya dapat dijalankan pada sebelah petang sahaja. Masa adalah terhad

⁸ ibid m.s. 63

untuk menjalankan kajian dengan lebih mendalam. Ada juga responden yang tidak dapat ditemui dalam satu perjumpaan. Oleh itu beberapa susulan terpaksa dibuat. Susulan yang dibuat mengubah jadual kajian yang telah ditetapkan.

Selain masalah di tempat kajian, pengkaji juga menghadapi masalah semasa menjalankan kajian penyelidikan dokumen. Ini kerana pengkaji kurang arif tentang prosedur-prosedur dalam soal tukar milik tanah, nombor-nombor perunjuk dan lain-lain lagi. Bagi pertukaran milik terbaru iaitu sejak 1988 hingga kini, buku-buku daftar perunjuknya belum dibukukan lagi. Ini bermakna ia masih berada dalam fail-fail biasa. Tetapi pengkaji mendapati separuh daripadanya telah dibukukan. Buku-buku daftar ini disimpan di dalam bilik kebal dan orang-orang luar tidak dibenarkan masuk. Untuk mendapatkan sesebuah buku daftar, seorang pekerja telah ditugaskan untuk mengambil dan menyimpannya. Semasa kajian dilakukan, ia adalah di waktu kesibukan pejabat. Oleh itu pengkaji terpaksa menunggu mengikut giliran untuk mendapatkan bahan. Bahan-bahan yang disimpan di sini adalah sulit dan untuk rujukan kakitangan yang menjalankan tugas sahaja. Bagi pihak awam yang ingin membuat rujukan dikenakan bayaran. Untuk pengkaji dikecualikan daripada bayaran kerana telah mendapat keizinan pihak pentadbir. Apa yang menjadi masalah ialah data-data yang diperolehi adalah rahisa, seperti nama-nama ahli waris dan bahagian yang diperolehi oleh mereka.

Semasa temubual dan soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai pindah milik harta pusaka responden-responden yang

ditemui gagal menyenaraikan nama-nama waris yang berhak menerima serta bahagian-bahagian yang diperolehi, sepertimana yang tercatat di dalam geran. Timbul masalah di sini untuk memastikan hubungan antara ahli-ahli waris yang terlibat kerana maklumat yang diperolehi daripada responden tidak lengkap. Bagi pihak pengkaji pula timbul perasaan serba salah untuk menyenaraikan nama-nama yang terdapat di dalam geran kepada responden kerana ia adalah sulit. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji berpandukan maklumat daripada data-data yang terdapat di dalam geran-geran dan buku-buku daftar perunjuk sahaja kerana maklumat yang bertulis adalah lebih rasmi kedudukannya.